

Nama : Kelas :

Bahasa
Melayu
Pemahaman
011
2017
1¼ Jam

BAHASA MELAYU – KERTAS 1

1 Jam 15 Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
2. Kamu dikehendaki menjawab semua soalan dalam kedua-dua bahagian ini.
3. Tiap-tiap soalan bahagian A diikuti oleh empat jawapan iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang telah disediakan. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
4. Ceraikan Bahagian B daripada kertas soalan.

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak

Soalan 1 hingga 10

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

- 1 “Teratak usang keluarga _____ terletak di hujung Kampung Ulu Penaga,” kata Hang Deraman kepada Pandak Arif.
 - A beta
 - B patik
 - C hamba
 - D tuanku

- 2 Kami dijangka _____ terlewat sampai _____ Pulau Langkawi kerana kereta mengalami kerosakan.
 - A dari ... di
 - B akan ... di
 - C dengan ... ke
 - D akan ... daripada

- 3 Baju kebaya itu dipotong _____ agar tampak menarik.
 - A serong
 - B condong
 - C bengkok
 - D bongkok

- 4 Surat yang diterima daripada sahabat penanya dari Australia itu telah pun _____.
 - A dicoret
 - B dibalas
 - C dikirim
 - D ditulis

- 5 “Ketumbuhan ini jika dibiarkan, _____ akan menjadi kanser,” kata Doktor Idayu kepada pesakitnya.
- A lambat-laun
 - B dolak-dalih
 - C keluh-kesah
 - D umbang-ambing
- 6 Pipinya _____ air mata apabila terkenang akan peristiwa sedih itu.
- A membasahkan
 - B dibasahi
 - C terbasah
 - D membasahi
- 7 Pereka fesyen itu dipertanggungjawabkan untuk menghasilkan rekaan pakaian seragam bagi _____ Syarikat Penerbangan Malaysia.
- A anak kapal
 - B anak dayung
 - C anak buah
 - D anak emas
- 8 Amran berjaya melepasi _____ yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.
- A prakata
 - B prasekolah
 - C prasejarah
 - D prasyarat

- 9 Semua pihak perlu memberikan sokongan _____ terhadap aktiviti persatuan belia yang dijalankan di kampung.
- A tegap
 - B teguh
 - C gagah
 - D padu
- 10 Ibu menjerit ketakutan apabila seekor lipan _____ di atas kakinya.
- A menyelinap
 - B memanjat
 - C menjalar
 - D menyusur
- 11 Cikgu Haishah jelak dengan alasan yang diberikan oleh Khairi.
- Perkataan antonim bagi jelak ialah ...
- A loya
 - B jelih
 - C jemu
 - D akur

Pilih **ayat tanya** yang paling sesuai bagi ayat yang diberikan.

- 12 Kesihatan nenek bertambah baik setelah menerima rawatan daripada doktor pakar.
- A Bagaimanakah nenek kamu berjumpa dengan doktor pakar?
 - B Bagaimanakah nenek kamu menerima rawatan daripada doktor pakar?
 - C Bagaimanakah keadaan nenek kamu setelah menerima rawatan daripada doktor pakar?
 - D Bagaimanakah nenek kamu bertambah baik?
- 13 Pak Yusof telah menampal bumbung rumah yang bocor itu.
- A Bumbung rumah yang bocor itu telah ditampal oleh Pak Yusof.
 - B Bumbung rumah Pak Yusof yang bocor itu telah tampal.
 - C Rumah yang bocor itu telah ditampal oleh Pak Yusof.
 - D Bumbung rumah itu telah ditampal oleh Pak Yusof.

Soalan 14

Pilih ayat yang betul.

- 14
- I Suasana di pasar ketika itu terlalu amat riuh.
 - II Nurul terlalu rajin amat mengulang kaji pelajaran.
 - III Beg yang besar itu berat nian.
 - IV Persembahan itu paling lucu sekali .
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan **betul**.

- 15 I Surat yang ditemukan itu menjadi kunci bagi membongkar segala kesalahannya.
- II Selain berusaha, doa ibu bapa menjadi kunci kejayaannya dalam peperiksaan.
- III Bersawah menjadi kunci pendapatan Pak Asan.
- IV Kunci rumah yang rosak itu baru diganti oleh bapa.
- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV
- 16 Nasihat ibu sia-sia sahaja, _____ kerana Ramesh langsung tidak mempedulikannya.
- A seperti sampah hanyut
- B seperti ayam patuk anaknya
- C bagai anak ayam kehilangan ibu
- D bagai mencurah air ke daun keladi

Baca laporan di bawah, kemudian jawab soalan berikutnya.

**LAPORAN TAHUNAN KELAB BAHASA DAN BUDAYA
SEKOLAH KEBANGSAAN SERI KENANGAN**

Penaung:	Encik Mohamad Hafiz bin Zaidi - <i>Guru Besar</i>
Penyelaras:	Puan Balkis binti Mokhtar- <i>Guru Penolong Kanan Kokurikulum</i>
Penasihat:	Cik Khatijah binti Abdullah - <i>Ketua Panitia Bahasa</i> Encik Sazali bin Mansor
Pengerusi:	Mohamad Syarief bin Omar
Naib Pengerusi:	Aisyah binti Ahmad
Setiausaha:	Rieya binti Naufal
Bendahari:	Mohamad Tajuddin bin Ramli
AJK :	Thanussa a/p Ratnavello Mohamad Amirul bin Ismail Erina binti Ismail

Kelab ini ditubuh dengan rasminya pada 10 Januari 2017. Sebanyak 98 orang murid telah diterima untuk menganggotai kelab yang lebih memberikan tumpuan kepada pengetahuan tentang aspek bahasa dan seni budaya ini.

Pada 17 Januari 2017, Kelab Bahasa dan Budaya mengadakan mesyuarat kali yang pertama. Mesyuarat yang julung-julung kali diadakan ini telah dihadiri oleh kira-kira 112 orang anggota kelab.

Pada 8 Februari 2017, kelab ini mengadakan majlis suai kenal dalam usaha untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan anggotanya. Dalam majlis yang serba ringkas ini, anggota kelab sempat bertemu mesra sesama mereka

untuk mengatur aktiviti bagi memanfaatkan ilmu bahasa dan aspek budaya yang perlu diberikan perhatian khusus oleh kelab. Pada 18 April 2017, “Program Motivasi Buka Minda” telah dijalankan untuk memantapkan ketahanan fizikal dan mental anggota kelab agar mampu berhadapan dengan cabaran dunia hari ini.

Pada cuti pertengahan penggal kedua persekolahan, kelab telah mengadakan pertandingan reka cipta bagi mencungkil bakat dan kreativiti anggota kelab. Beberapa kuiz bahasa yang mencabar juga telah diadakan dengan melibatkan penyertaan daripada murid dari sekolah-sekolah jiran yang berhampiran. Dalam pada itu, anggota kelab juga telah mengadakan aktiviti untuk menghasilkan buku skrap Bahasa dan Budaya yang kemudiannya telah dipamerkan sempena Hari Kokurikulum. Aktiviti terakhir yang dijalankan oleh kelab ialah **darmawisata** ke Pusat Bahasa dan Budaya Negara dan ke Akuaria Petronas, di KLCC, Kuala Lumpur.

Disediakan oleh,

28 OKTOBER 2017.

rieya

(RIEYA BINTI NAUFAL)
Setiausaha Kelab Bahasa dan Budaya,
Sekolah Kebangsaan Seri Kenangan.

- 17 Siapakah yang menjadi pakar rujuk kepada anggota Kelab Bahasa dan Budaya?
- A Setiausaha
 - B Guru Besar
 - C Ketua Panitia
 - D Guru Penolong Kanan Kokurikulum

- 18 Bilakah Kelab Bahasa dan Budaya mengadakan majlis suai kenal?
- A Minggu kedua Januari 2017
 - B Minggu pertama Februari 2017
 - C Minggu pertama Januari 2017
 - D Minggu kedua Februari 2017
- 19 Pada pendapat anda, mengapakah kelab tersebut mengadakan pertandingan reka cipta?
- A Untuk memberikan ilmu Bahasa dan Budaya
 - B Untuk menjalin silaturahim sesama anggota kelab
 - C Untuk melahirkan modal insan yang berdaya inovatif
 - D Untuk menguji ketajaman mental dan fizikal anggota
- 20 Frasa **darmawisata** membawa maksud
- A melawat atau belajar
 - B belajar dan melawat
 - C melawat sambil belajar
 - D berehat sambil melawat

NAMA: _____ KELAS: _____

Bahasa
Melayu
Pemahaman
011
2017
1¼ Jam

BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN 011

BAHAGIAN B

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak yang disediakan.
2. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini

Serahkan bahagian B bersama sama borang jawapan objektif kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk kegunaan Pemeriksa		
Kod Pemeriksa		
Nombor Soalan	Markah	
21		
22	a	
	b	
	c	
23	a	
	b	
	c	
24	a	
	b	
	c	
	d	
25	a	
	b	
	c	
	d	
JUMLAH		30

Bahagian B

(30 markah)

Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberikan.

sisi	atas	tepi	belakang
penjuru	antara	tengah	

Pak Leman menanam sayur-sayuran di _____ rumahnya. Antara sayur yang ditanam oleh Pak Leman ialah sawi, kacang panjang, terung dan cili.

Pak Leman menanam sayur-sayur tersebut di _____ batas .
Pokok sawi ditanam di _____pokok kacang dengan pokok cili, manakala pokok terung ditanam di _____pokok cili.

(4 markah)

Soalan 22

(a) Tukarkan cakap ajuk di bawah kepada cakap pindah.


Cakap ajuk :“Jangan sesekali naik atau turun semasa bas sedang bergerak,”
pesan Cikgu Azie kepada anak muridnya.

Cakap pindah


: _____

(2 markah)

(b) Tulis dialog yang sesuai bagi watak di bawah.



(2 markah)



Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah.

Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar di atas.

(2 markah)

Soalan 23

Sebaik sahaja tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), ayah telah mengarahkan aku untuk mengikutnya ke kaunter pengesahan penerbangan untuk daftar masuk. Ayah memberitahu aku bahawa beg yang melebihi tujuh kilogram perlu dimasukkan ke ruang kargo.

Kami menuju ke tempat pemeriksaan keselamatan. Di sini, semua barang yang kami bawa akan diperiksa melalui mesin pengimbas. Telefon bimbit dan dompet diletakkan di dalam bekas yang disediakan. Selain itu, kami juga perlu melalui pemeriksaan keselamatan di pintu khas sebelum menuju ke ruang tunggu.

Ketika memasuki pintu kapal terbang, ayah mengingatkan aku agar duduk mengikut nombor yang ditetapkan. Bagasi yang dibawa bersama-sama perlu disimpan di ruangan yang disediakan, bukannya diletakkan di bawah kerusi. Aku berasa bertuah kerana dapat duduk di tepi tingkap. Dari tingkap kapal terbang, keindahan panorama alam semesta memukau pandanganku.

- a. Sebaik sahaja mereka tiba di _____
ayah telah mengarahkan aku untuk mengikutnya ke kaunter pengesahan penerbangan.

(1 markah)

- b. Ayah membawa beg yang beratnya lapan kilogram ke dalam kapal terbang. Di manakah sepatutnya ayah menyimpan beg beliau?

(2 markah)

- a. *Padankan pernyataan di bawah berdasarkan petikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.*

Semua barang yang dibawa perlu melalui mesin pengimbas.

Ketika memasuki pintu kapal terbang, ayah mengarahkan aku supaya duduk di mana-mana sahaja yang aku suka.

Dari tingkap kapal terbang, keindahan panorama alam semesta tidak menarik pandanganku.

Ayah mengingatkan aku supaya duduk mengikut nombor yang ditetapkan.

BETUL

SALAH

(2 markah)

Soalan 24

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Menemui sahabatku, Sarah yang diingati selalu. Saya berharap semoga saudara seisi keluarga sihat sejahtera.

Apa khabar? Saya ingin berkongsi maklumat tentang suatu ciptaan yang menarik. Ciptaan itu ialah dompet pintar.

Dompet pintar ini amat berguna kepada sesiapa yang sukar mengawal perbelanjaan kewangan. Dompet ini akan memberikan amaran jika pemiliknya telah berbelanja melebihi had yang ditetapkan. Dompet ini akan bergetar atau sukar dibuka jika pemiliknya terlalu boros berbelanja.

Pencipta dompet ini sangat kreatif dan inovatif. Saya amat *takjub* akan daya kreativiti dan inovasinya. Dompet ini dapat dihubungkan kepada telefon pintar dan maklumat akaun bank pengguna.

Setakat ini sahajalah maklumat yang dapat saya kongsikan. Akhir kata, sambutlah salam mesra daripada saya untuk saudara sekeluarga .

Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,

Amran

- a. Perkataan *takjub* dalam petikan boleh juga digantikan dengan perkataan _____.

(1 markah)

- b. Bagaimanakah dompet ini berfungsi?

(2 markah)

- c. Mengapakah dompet ini dikatakan dompet pintar?

(2 markah)

- d. Pada pendapat kamu, adakah pencipta dompet ini seorang yang kreatif dan inovatif ? Mengapa?

(3 markah)

Soalan 25

Baca sajak di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Ingat Pesan

Ingatlah pesanan ibu
Simpanlah mainan selepas diguna
Susunlah kasut selepas dipakai
Agar mudah diguna semula.

Ingatlah pesan ayah
Nasihat dan budaya baik jadikan amalan
Usah diabaikan keselamatan diri
Sepanjang masa harus berhati-hati.

Ingatlah pesan guru
Berjalan biar tertib jangan tergesa
Berhati-hati gunakan tangga
Patuhi peraturan sekolah
Agar menjadi murid cemerlang.

- a. Kita mesti mematuhi peraturan sekolah agar

_____.

(1 markah)

b. Apakah yang dipesan oleh ibu ?

(2 markah)

c. Tandakan (\checkmark) bagi pernyataan yang betul dan (\times) bagi pernyataan yang salah berdasarkan sajak tersebut.

Kita mesti sentiasa berhati-hati dan tidak mengabaikan keselamatan.	
Nasihat ibu, ayah dan guru tidak perlu diikuti supaya kita menjadi anak yang baik.	

(1 markah)

d. Terangkan maksud baris pantun di bawah.

Usah diabai keselamatan diri Sepanjang masa harus berhati-hati.
--

(3 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT